

Kes 1MDB

Najib nafi belanja jutaan ringgit guna syarikat luar tingkat imej

Tindakan bukan sebab kepentingan peribadi tetapi mudahkan tugas sampaikan dasar kepada rakyat

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Najib Razak menafikan beliau membelanjakan jutaan ringgit untuk mendapatkan perkhidmatan syarikat strategi komunikasi bagi meningkatkan imejnya, dengan menggunakan wang yang didakwa hasil aktiviti haram.

Najib menegaskan, beliau menggunakan perkhidmatan syarikat luar berikutan banyak kumpulan masyarakat yang su-

kar menerima komunikasi daripada saluran kerajaan ketika beliau memegang jawatan sebagai Perdana Menteri.

Beliau yang membela diri terhadap pertuduhan penyelewengan dana RM2.3 bilion milik 1Malaysia Development Berhad (1MDB), mendakwa tindakan mengambil syarikat luar itu bukan atas sebab kepentingan peribadi, sebaliknya sebagai Perdana Menteri untuk berkomunikasi dengan rakyat ketika itu.

Menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya, Kamal Baharin Omar pada sesi pemeriksaan balas di Mahkamah Tinggi, semalam, Najib menegaskan ia adalah berkaitan tugas rasminya (sebagai Perdana Menteri ketika itu) untuk menyampaikan dasar kerajaan kepada masyarakat.

Beliau juga menafikan semua perbelanjaan bagi menggunakan perkhidmatan syarikat terbabit adalah daripada sumber wang haram.

Najib ketika itu dirujuk cek berjumlah RM246,000 kepada Lim Soon Peng bagi menguruskan laman Facebook 'Ah Jib Gor' yang ditulis dalam bahasa Cina untuk menyampaikan dasar kerajaan kepada masyarakat berkenaan.

Disoal oleh Kamal Baharin bahawa jika ia benar-benar mengenai tugas rasmi, Unit Komunikasi Pejabat Perdana Menteri (PMO) boleh mengendalikannya, Najib berkata, ia membatitkan media sosial yang luas dan di luar skop kerajaan yang mana beliau memerlukan pelbagai platform untuk tujuan itu.

Najib juga menolak cadangan Kamal Baharin bahawa perbelanjaan melalui cek bernilai RM2 juta dan RM303,000 kepada syarikat media, ORB Solutions

Sdn Bhd dan syarikat penulisan ucapan, Semarak Konsortium Satu Sdn Bhd, adalah untuk meningkatkan imej bagi kepentingan peribadinya.

Beliau berkata, ORB Solutions adalah platform tambahan kerana media arus perdana tidak dapat menjangkau semua lapisan masyarakat untuk menerima mesej dan naratif kerajaan.

Najib juga disoal mengenai Semarak Konsortium yang berperanan menulis ucapan dalam bahasa Inggeris untuk forum antarabangsa, di mana Kamal Baharin mencadangkan beliau boleh menda-

apatkan pegawai di PMO untuk melakukannya kerana ia membatitkan tugasnya.

Bagaimanapun, Najib menjawab, kemahiran bahasa Inggeris dimiliki pegawai di PMO adalah

tidak cukup tinggi dan beliau memerlukan orang yang mahir dalam bahasa itu.

Ditanya lanjut adakah pegawai di PMO tidak mahir (menulis) dalam bahasa Inggeris, Najib menjawab: "Sukar untuk cari ketika itu."

Najib berkata demikian ketika menjawab soalan berkaitan 21 pertuduhan perubahan wang haram membatitkan dana 1MDB yang dihadapinya.

Bekas Ketua Pegawai Eksekutif ORB Solutions, Norhaina Hirawani Md Noor, dalam perbicaraan sebelum ini memberitahu mahkamah, Najib mengeluarkan cek RM2 juta bagi pembayaran kos operasi syarikat pembangunan aplikasi dan strategi komunikasi itu.

Saksi itu berkata, Najib adalah satu-satunya pelanggan yang menggunakan perkhidmatan Orb Solutions, termasuk untuk menguruskan akaun media sosial dan imejnya secara dalam talian.



Najib Razak